

# Bisnes



INDUSTRI IKAN HIASAN

## PENGELUARAN RM550 JUTA MENJELANG 2030

HM 24/06/24 m/s 26

Oleh Sri Ayu  
Kartika Amri

am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Industri ikan hiasan mempunyai potensi besar kepada ekonomi negara terutama dari segi eksport dan pendapatan penternak dengan pengeluarannya dijangka meningkat sebanyak 352 juta ekor bernilai RM550 juta menjelang 2030.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, pengeluaran ikan hiasan pada 2023 adalah sebanyak 241

juta ekor dengan nilai RM373 juta, dan 21 peratus daripadanya bagi tujuan eksport.

Katanya, pencapaian itu jelas menunjukkan bahawa industri ikan hiasan Malaysia mempunyai potensi besar untuk terus berkembang.

"Jabatan Perikanan (DOF) akan terus komited menyokong industri ini dan membantu penternak ikan hiasan Malaysia mencapai kejayaan di pasaran global.

"Justeru, DOF akan sentiasa menyokong sega-

la usaha dan inisiatif penganguran pertandingan ikan hiasan yang diadakan di seluruh negara sejak dengan hala tuju meningkatkan pengeluaran ikan hiasan menjelang 2030," katanya dalam kenyataan.

Katanya, berdasarkan statistik DOF pada 2023, Johor menjadi negeri tertinggi bagi pengeluaran utama ikan hiasan dengan nilai sebanyak RM261 juta, diikuti Perak (RM87 juta), Pulau Pinang (RM8 juta) dan Sarawak (RM3.5 juta).

Bagi ikan hiasan bernilai komer-

sial (kecuali Arowana) 2023, ikan tetra mencatatkan nilai jualan paling tinggi iaitu RM24.2 juta, diikuti ikan koi (RM12.2 juta), ikan discus (RM11.3 juta), ikan gupi (RM11 juta), ikan molly (RM10.8 juta) dan ikan laga (betta), RM9.4 juta.

Antara inisiatif yang dilaksanakan DOF adalah pemberian bantuan peralatan dan makanan ikan melalui Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur.

Selain itu, khidmat nasihat teknikal berkenaan pemeriksaan kualiti air, pensijilan dan pematuhan biosecuriti serta siri latihan kepada penternak.

Ikan laga (betta) mencatat nilai jualan RM9.4 juta pada 2023